

19 MAR 2001

MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BN DALAM SEMINGGU INI

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan diadakan secepat mungkin dalam tempoh seminggu ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Secepat mungkin .. dalam satu minggu ini," katanya ketika ditanya pemberita mengenai tarikh mesyuarat itu selepas mempengerusikan mesyuarat pra-majlis persidangan Dewan Rakyat bagi para wakil rakyat BN di bangunan Parlimen, di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri mesyuarat itu mungkin diadakan di Kuala Lumpur.

Jumaat lepas, Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Datuk Mohamed Rahmat berkata pelbagai isu yang menyentuh kepentingan negara dijangka dibincangkan pada mesyuarat itu termasuk kejadian pergaduhan penduduk sekitar Jalan Klang Lama baru-baru ini yang meragut enam nyawa.

Pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN pada 16 Mac lepas, beberapa isu semasa telahpun dibincangkan tetapi ekoran kesuntukan masa mesyuarat itu diminta diadakan sekali lagi.

-- BERNAMA

MS AKT PR